Hussain Onn.

(Sila semak
semasa dilafazkan)

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
4HB NOVEMBER, 1974 - 20HB DISEMBER, 1974

UCAPAN BELANJAWAN 1975

oleh

YANG AMAT BERHORMAT TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN MEMBENTANGKAN RANG
UNDANG-UNDANG BEKALAN (1975)

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk mengguna sejumlah dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1974 dan bagi menguntukkan jumlah itu dan lain-lain wang seperti yang diluluskan supaya dikeluarkan untuk perkhidmatan tahun ini", dibaca bagi kali yang keduanya.

2. Ini adalah Ucapan Belanjawan saya kali yang pertama dan percayalah saya bahawa ia merupakan suatu ucapan yang agak sukar dibuat, memandangkan kepada keadaan-keadaan ekonomi dan kewangan dunia yang luarbiasa. Sanjungan yang tinggi patut diberikan kepada Tun Tan kerana sumbangan beliau kepada kekukuhan ekonomi dan kestabilan kewangan negara kita, yang mestilah agaknya merasa lapang melihatkan saya mengambil alih tempatnya. Saya suka juga menyampaikan ucapan tahniah kepada beliau atas pucuk pimpinan beliau yang bijaksana di dalam soal-soal ekonomi dan kewangan negara kita, bagi beberapa tahun yang lalu. Saya merasa penuh yakin dengan tradisi yang telah dibentuk oleh beliau dan dengan dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang baik bagi Kerajaan dan rakyat seluruhnya, kita akan dapat melalui masa hadapan yang susah itu dengan penuh kejayaan.

3. Terlebih dahulu, saya suka menarik perhatian iaitu saya tidak menganggap bahawa Belanjawan dari segi tradisinya adalah merupakan cara-cara perakaunan mengenai kedudukan kewangan Kerajaan. Sebaliknya, Belanjawan itu adalah suatu alat yang aktif dan dinamik yang akan digunakan untuk dasar-dasar ekonomi, belanjawan dan

..2/-

kewangan supaya aspirasi-aspirasi sosio-ekonomi negara kita dapat dicapai dengan berkesannya. Ianya bukan hanya merupakan rancangan yang bertulis di atas kertas sahaja tetapi sebenarnya akan digunakan bagi melaksanakan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Kedua dan Rangangan-rancangan Tinjauan Ekonomi di dalam keadaan kewangan yang stabil. Dengan ringkasnya, Belanjawan itu adalah kunci kepada pencapaian matlamat-matlamat rancangan yang praktik dan bukannya semata-mata sebagai rancangan makro.

4. Saya akan mempastikan bahawa Belanjawan itu adalah suatu keterangan yang dinamik yang kedua-duanya berguna dan boleh diubah-ubahkan supaya tindak-balas yang segera dan berkesan dapat diberikan, jika wujudnya sebarang perkembangan-perkembangan ekonomi dan kewangan. Belanjawan itu sebenarnya adalah menjadi Rancangan Tahunan Ekonomi. Dengan falsafah ini, saya akan menyampaikan Belanjawan bagi tahun 1975. Sesungguhnya, saya suka menganggap bahawa Belanjawan 1975 sebagai rancangan ekonomi yang berterusan, yang akan meramalkan perkembangan-perkembangan dan keperluan-keperluan kita bukan sahaja untuk tahun hadapan bahkan bagi tahun 1976 dan juga beberapa tahun yang akan datang.

5. Kita di Malaysia, bukanlah tidak biasa dengan <u>edaran melambung meleset</u> yang mencerminkan melambung dan menurun perkembangan ekonomi. Pendekatan asas mengenai pengurusan ekonomi, di dalam jangka pendek, yang jelas daripada <u>*Lapuran Ekonomi*</u> yang akan dibentangkan, adalah ditumpukan kepada mengawal keadaan edaran melambung meleset yang sebahagian besarnya ditentukan oleh perkembangan ekonomi di negara-negara perusahaan. Dari itu, apabila negara-negara perusahaan mewah, kita beruntung daripada permintaan terhadap ekspot kita. Tetapi apabila ekonomi mereka perlahan, atau mengalami kemerosotan, kita juga akan rugi. Kita telah mengalami masaalah-masaalah ini, di masa lalu, dan dari itu tidaklah membimbangkan atau risau dengan rosotan dan inflasi yang dialami oleh negara-negara perusahaan

..3/-

sekarang. Bagaimanapun, perbezaan yang besar pada kali ini adalah keadaan rosotan sekarang yang lebih buruk dan diikuti pula oleh keadaan inflasi yang rancak. Misalnya, adalah dijangka semua negara-negara perusahaan termasuk Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah Barat dan Jepun akan mencatitkan kadar purata pertumbuhan ekonomi dari segi sebenar sebanyak tolak setengah peratus dalam tahun 1974 dan hampir 3 peratus pada tahun 1975, sementara kadar inflasi berada dalam lingkungan 12 peratus tahun ini dan 7 peratus dalam tahun 1975.

6. Kita di Malaysia tidak diragukan lagi akan menerima kesan daripada perkembangan antarabangsa ini. Walau bagaimanapun, kita tidaklah akan mengalami kesan buruk seperti yang dialami oleh kebanyakan negara-negara lain. Sebenarnya, adalah lebih mengembirakan bagi saya pulang ke tanah air baru-baru ini daripada Ottawa dan Washington, kepada iklim ekonomi yang lebih meyakinkan yang berterusan, walaupun banyak negara-negara telah menerima kesan kegelapan dan rasa putus harapan. Bagaimanapun saya tidak ragu-ragu iaitu <u>rosotan</u> akan juga berlaku di Malaysia dan keadaan inflasi yang berterusan. Ini akan juga diikuti oleh kenaikan dalam pengangguran. Walau bagaimana-pun, kita akan terus menerima pertumbuhan ekonomi dan kewangan yang stabil. Kita akan mempunyai makanan yang cukup dan mengekalkan kedudukan diri kita; tidak akan ada kebuluran seperti yang terdapat di setengah-setengah negara yang kurang bernasib baik dan juga keadaan pengangguran yang berleluasa. Sesungguhnya, disebabkan oleh tersedianya tanah, buruh yang dapat menyesuaikan diri dan keupayaan untuk mendapat pembiayaan dari dalam negeri dan punca-punca pertukaran asing, kita akan boleh meringankan kesan yang buruk dan rosotan yang dijangka berlaku dalam tahun 1975.

7. Apa yang lebih menggalakkan lagi ialah masa yang sukar ini tidaklah akan berterusan selama-lamanya. Adalah menjadi pandangan kita, yang rosotan di seluruh dunia akan berkurangan di

dalam ekonomi negara-negara perusahaan kira-kira di akhir 1975 dan awal 1976, bila ekonomi Malaysia akan menerima momentum semula untuk pemulihan pertumbuhannya selepas jarak waktu yang biasa, dalam beberapa bulan. Pada asasnya, kita menghampiri keadaan yang sukar tetapi kita mempunyai alat-alat untuk mencapai keadaan yang lebih tenang.

8. Dari itu, cabaran di hadapan kita ialah untuk menyatukan semua sumber-sumber kita dan sedaya-upaya berusaha bersama-sama di dalam menghadapi masa yang genting yang terbentang di hadapan, dan mengarahkan diri kita bagi mengatasi kesukaran-kesukaran ini. Dalam berbuat demikian, kita perlu mengumpulkan kekuatan dan memberi perhatian kepada kelemahan ekonomi kita, supaya kita akan berada pada asas yang kukuh, dan menyedari sepenuhnya keadaan ekonomi dan kewangan sebelum kita membentuk dan melaksanakan dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang akan memberi kesan kepada kita semua. Saya, akan secara ringkas sahaja di dalam memberikan tinjauan saya, kerana analisa ekonomi yang mendalam dan semua butir-butir dan data-data adalah dibentangkan dalam Lapuran Ekonomi tahun 1974/75 yang patut dianggap sebagai tambahan kepada Ucapan Belanjawan saya.

9. Di dalam Ucapan Belanjawan tahun 1974, penilaian tentang ramalan kedudukan ekonomi tahun ini adalah suatu yang optimis. Perbendaharaan telah berhati-hati dan mungkin tidak begitu pasti, kerana krisis tenaga yang telah timbul pada bulan Oktober yang lalu, iaitu, sebaik-baik sahaja sebelum Ucapan Belanjawan. Walau bagaimanapun, apabila kebanyakan orang telah memperkatakan tentang keadaan ekonomi yang muram, dan ada setengah pula yang meramalkan terus meleset, Perbendaharaan telah menjangkakan "satu tingkat pertumbuhan yang tinggi kira-kira 7 peratus pada harga tetap". Kita telah yakin yang harga getah kita akan dapat kekal pada tingkat yang tinggi, disebabkan krisis tenaga, kerana pada perkiraan kita, getah tiruan iaitu keluaran sampingan petroliam, akan menjadi lebih mahal lagi untuk

dikeluarkan. Kita mungkin dapat mencapai keadaan yang lebih baik jika tidak kerana kejatuhan dalam harga-harga kebanyakan barangan kita di dalam separuh masa kedua tahun ini dan perlahannya ekonomi sebagai akibat yang mengikutinya.

10. Rosotan disertai oleh inflasi yang terus tinggi di negara-negara perusahaan, bukan sahaja telah menurunkan permintaan untuk ekspot kita tetapi juga telah menaikkan dengan banyaknya pembayaran impot bagi tahun 1974. Dengan itu, ekspot yang telah berkembang sebanyak 50 peratus tahun lepas meningkat hanya sebanyak kira-kira 30 peratus tahun ini. Di sebaliknya, impot yang telah meningkat sebanyak kira-kira 30 peratus tahun lalu, telah meningkat naik sebanyak hampir 50 peratus tahun ini. Dari itu sektor luar negeri, tidak seperti tahun lalu, telah tidak memberikan sokongan untuk pertumbuhan ekonomi tahun ini.

11. Sebaliknya, permintaan kalangan swasta, untuk kedua-dua penggunaan dan pelaburan telah memberikan pendorong utama untuk pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1974. Pelaburan swasta terutamanya telah berkembang dengan memuaskan, mencapai kadar pertumbukan kira-kira 37 peratus pada harga semasa walaupun dari segi sebenar, kadar pertumbuhan adalah dianggarkan kira-kira 13 peratus. Pertumbuhan pelaburan swasta yang menggalakkan ini, adalah terutamanya disebabkan oleh pelaburan dalam alat-alat jentera dan kelengkapan, sebanyak 20 peratus. Ini menggalakkan dan mencerminkan perkembangan di dalam sektor perusahaan terutamanya sektor perkilangan.

12. Penggunaan swasta, yang merupakan bahagian terbesar sebanyak 61 peratus dalam KNK, telah juga meningkat sebanyak 26 peratus pada harga semasa tahun ini. Ini adalah lazim di dalam dan selepas tahun melambung seperti yang telah ditunjukkan oleh kenaikan yang tinggi dalam impot kereta-kereta, motor-sikal, basikal dan pakaian. Ini juga menunjukkan yang kemewahan ekonomi telah juga dirasai oleh golongan berpendapatan rendah, terutama sekali yang telah menerima faedah dari harga barangan ekspot yang tinggi.

13. Dengan tekanan-tekanan yang berterusan ke atas tingkat-tingkat harga daripada sektor-sektor ekspot dan swasta pada tahun ini, Kerajaan merasa perlu untuk menghadkan belanjawannya pada tingkat yang tertentu bagi mengurangkan tekanan ke atas inflasi. Tetapi ini amatlah susah untuk dilaksanakan, khususnya bagi penggunaan kalangan awam, sebab inflasi juga mengurangkan kuasa beli pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan tetap. Dengan itu Kerajaan memberi kenaikan di dalam pembayaran upah bagi mengatasi masaalah-masaalah pekerja di sektor awam dan ini adalah sebab utama pertambahan di dalam penggunaan kalangan awam sebanyak 19 peratus pada harga semasa dan kira-kira 8 peratus dari segi sebenarnya.

14. Pelaburan kalangan awam mencatitkan kadar pertumbuhan yang perlahan, kira-kira 16 peratus pada harga semasa dan jatuh hampir 7 peratus dari segi sebenar. Ini disebabkan setengah daripada projek-projek yang kurang penting terpaksa diketepikan dan setengahnya terpaksa ditangguhkan. Selain daripada itu, terdapat pula halangan-halangan di dalam daya keupayaan perlaksanaan dan kekurangan bahan-bahan untuk pembinaan. Keterangan yang lebih lanjut mengenai pelaburan kalangan awam yang bertambah dengan perlahan itu adalah dibincangkan dengan lebih lengkap di dalam Lapuran Ekonomi.

15. Keadaan imbangan bayaran dalam tahun 1974 sudah tentu tidak sebaik seperti pada tahun lalu. Ini, terutamanya disebabkan oleh kejatuhan di dalam harga-harga barangan ekspot dan diramalkan berterusan di dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Bagaimanapun, kedudukan imbangan pembayaran keseluruhan akan berada di dalam keadaan yang memuaskan dengan lebihan sebanyak kira-kira $100 juta. Ini akan menambahkan cadangan tukaran asing yang boleh mengekalkan tingkat impot selama lima bulan.

16. Walaupun ekonomi berkembang dengan memuaskan, adalah kurang menyenangkan kerana di samping usaha-usaha Kerajaan inflasi telah meningkat lebih tinggi dari tahun lalu. Dalam banyak segi, kadar

..7/-

inflasi yang tinggi yang dianggarkan kira-kira 18 peratus pada tahun ini tidak dapat dielakkan. Impot Malaysia merupakan 48 peratus dari KNK, dan angka tunjuk harga impot bagi 7 bulan pertama tahun 1974 telah mencapai kadar tahunan sebanyak 42.5 peratus. Kesannya terhadap harga dalam negeri tidaklah boleh ditekankan berlebih-lebihan. Tambahan pula, penerimaan ekspot telah juga menambahkan tekanan ke atas harga, terutama sekali pada awal tahun ini. Dari itu, kadar inflasi seperti yang dicerminkan oleh angka tunjuk harga pengguna bagi Semenanjung Malaysia tahun ini adalah dianggarkan meningkat sebanyak kira-kira 18 peratus melebihi kadar 10.5 peratus tahun lalu. Di Sabah dan Sarawak kadar inflasi adalah dianggarkan meningkat sebanyak kira-kira 15 peratus tahun ini.

17. Suatu perkara yang menarik perhatian ialah komponen-komponen makanan yang merupakan kira-kira 47 peratus daripada angka tunjuk harga pengguna, mencatitkan pertambahan sebanyak 30 peratus untuk sembilan bulan pertama tahun ini. Oleh itu, jelas bahawa adalah tersangat penting untuk mempastikan kempen menambahkan lagi pengeluaran makanan itu akan berjaya.

18. Bagi pihak Kerajaan, keutamaan yang tinggi akan diberikan kepada kempen untuk menambahkan lagi pengeluaran makanan dan dengan itu adalah dimaksudkan bahawa 500,000 ekar tanah lagi akan dibuka untuk tujuan tersebut. Kira-kira separuh daripadanya adalah di Semenanjung Malaysia sahaja.

19. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan-kemungkinan penanaman padi secara besar-besaran dan lebih kurang 260,000 ekar tanah akan diuntukkan bagi penanaman padi.

20. Kita tidak mempunyai sebab mengapa kita harus mengimpot daging lembu apabila kita mempunyai tanah dan iklim yang sesuai bagi memajukan perusahaan ini. Oleh itu rancangan-rancangan sedang dibuat supaya di dalam jangka masa 15 tahun, negeri ini dapat mengeluarkan daging cukup bagi keperluan diri sendiri.

..8/-

21. Oleh sebab itu, rancangan-rancangan sedang di dalam peringkat terakhir bagi memajukan hasil rumput dan makanan binatang ternakan, yang juga mesti dikeluarkan di negara ini daripada mengimpotnya. Selepas pengkajian yang telah dijalankan, kita telah berpuashati bahawa jagung, sekoi dan ubi kayu dapat diproseskan untuk makanan binatang ternakan pada peringkat perdagangan.

22. Begitu juga rancangan jangka panjang telah dibuat untuk perusahaan perikanan. Terdapat banyak punca-punca keluaran perikanan yang belum lagi dijelajahi di pinggir Pantai Timor Semenanjung Malaysia yang akan diusahakan. Ini bukan sahaja akan menaikkan penggunaan protin tetapi juga meninggikan taraf hidup nelayan-nelayan yang mempunyai pendapatan rendah dan akan membawa kepada pembangunan ekonomi kawasan yang lebih seimbang.

23. Selain daripada itu terdapat juga rancangan-rancangan Kerajaan yang lain dan saya suka melihat bahawa pihak swasta juga turut memainkan peranan mereka. Sebenarnya, saya suka menyeru dan menggesa supaya sektor swasta menerima cabaran ini dan memaju serta memodenkan lagi perusahaan pengeluaran makanan. Apa yang diperlukan ialah lebih banyak usaha, imajinasi dan desakan supaya dapat memberi kesan ke atas kempen pengeluaran makanan. Ini adalah matlamat-matlamat utama kita di dalam program anti-inflasi dan saya bersedia untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap sebarang masaalah yang dihadapi oleh pihak swasta, di dalam menolong melaksanakan polisi Kerajaan bagi menambahkan keluaran makanan.

24. Kerajaan, seperti tuan-tuan ketahui, telah mengambil sekumpulan siri langkah-langkah untuk mencegah inflasi. Ini bermula dari pengenaan cukai surcaj ekspot, pengecualian duti-duti impot dan eksais pemberian subsidi dan elaun gaji, kepada langkah-langkah menyekat pertambahan bekalan wang. Semua langkah-langkah ini telah memberi kesan mengurangkan inflasi, yang walau bagaimanapun kukuh kerana ini adalah masaalah seluruh dunia. Bagaimanapun, saya ingin menambah, kita

tidak teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah lanjut bagi menyekat inflasi, asalkan langkah-langkah tersebut tidak berlawanan dengan tujuan-tujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan gunatenaga.

Keadaan Belanjawan 1974

25. Sesudah melihat prestasi ekonomi pada tahun ini, sekarang, saya suka memberi lapuran mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

26. Belanjawan 1974 menganggarkan terdapatnya lebihan di dalam kira-kira semasa sebanyak $67 juta. Bagi tahun ini saya berasa sukacita untuk menyatakan bahawa lebihan semasa adalah berjumlah lebihkurang $660 juta yang merupakan kira-kira 10 kali ganda lebih daripada anggaran Belanjawan. Pertambahan-pertambahan ini diperolehi terutamanya disebabkan oleh bergandanya pendapatan duti ekspot kepada lebihkurang $440 juta dan kadar pertumbuhan yang besar sebanyak 26 peratus atau $215 juta di dalam pengutipan cukai pendapatan yang berdasarkan kepada keadaan melambung pada tahun 1973; juga punca-punca hasil yang baharu daripada minyak.

27. Satu lagi ciri yang penting ialah Perbelanjaan Pembangunan yang dijangka bertambah hampir-hampir 40 peratus kepada kira-kira $1,548,lebih daripada Anggaran Belanjawan pada tahun 1974. Sungguhpun terdapatnya kenaikan ini, kurangan keseluruhan adalah dijangka berada pada peringkat yang terendah semenjak tahun 1971 terutamanya disebabkan oleh prestasi di dalam kira-kira semasa yang sangat memuaskan. Oleh itu kedudukan Belanjawan 1974 pada hari ini adalah tersangat kukuh.

28. Sekarang saya suka memberitahu pendapat kami mengenai tinjuan ekonomi bagi tahun 1975 sebelum saya membincangkan Belanjawan tahun 1975.

29. Pada tahun hadapan, keadaan ekonomi adalah dijangka berkembang agak perlahan disebabkan oleh kemerosotan di dunia perindustiran yang akan membawa akibat yang kurang baik bagi harga-harga barang ekspot Malaysia, terutamanya getah. Adalah sukar untuk meramalkan harga-harga getah. Dalam Belanjawan tahun lalu, harga purata getah yang diramalkan adalah 60 sen sepaun atau 132 sen sekilo; walaupun begitu, sekarang ini harga purata sebenar adalah diramalkan sebanyak lebih kurang 81 sen sepaun atau 178 sen sekilo. Meramalkan harga-harga getah adalah satu soal di mana pendapat-pendapat pakar sekalipun adalah berlainan. Walaupun begitu, adalah benar bahawa permintaan luar yang lemah akan menurunkan lagi harga-harga getah pada tahun hadapan. Sungguhpun begitu, ada kemungkinan, seperti tahun ini, harga-harga getah tiruan akan terus meningkat oleh kerana harga-harga minyak yang tinggi masih lagi berterusan yang membawa kepada terdapatnya kemungkinan pengalihan permintaan bagi getah asli. Getah tiruan yang dipanggil SBR 1500, iaitu sejenis getah tiruan yang setaraf dengan getah asli RSS3 yang berharga lebihkurang 67 sen sepaun atau 147 sen sekilo, dibandingkan dengan harga RSS3 padabbulan Oktober sebanyak 52 sen sepaun atau 114 sen sekilo. Oleh itu SBR 1500 adalah lebih jauh tinggi dari harga getah RSS3. Tidak menghairankan jika ramai daripada pihak-pihak dalam pemasaran getah yakin bahawa harga-harga getah pada tahun 1975 adalah kekal pada 65 sen sepaun atau 143 sen sekilo bagi getah RSS1. Walaupun begitu ada juga setengah-setengah yang berpendapat bahawa harga purata getah adalah lebihkurang 55 sen sepaun atau 121 sen sekilo. Demikianlah kesulitan tentang meramalkan harga-harga getah dan perbezaan ramalan-ramalan tersebut. Sebagai Menteri Kewangan, saya cuma mempunyai satu ramalan yang digunakan bagi pengiraan-pengiraan. Oleh itu saya telah mengambil keputusan menggunakan harga purata sebanyak 60 sen sepaun atau 132 sen sekilo bagi getah RSS1 pada tahun 1975 keseluruhannya. Jika harga menjadi lebih tinggi, lagi lebih baik; tetapi saya berharap supaya harga purata pada tahun keseluruhannya tidak akan turun.

..11/-

30. Berasaskan ini, ekspot-ekspot kita dalam tahun 1975 adalah diramalkan turun lebihkurang 6 peratus pada harga semasa berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 30 peratus bagi tahun ini. Sambil itu, impot kita akan meningkat sebanyak 9 peratus berbanding dengan kemerosotan ekspot. Oleh itu pada tahun hadapan, sektor luar tidak akan dapat memberi dorongan terhadap pertumbuhan ekonomi; disebaliknya sektor ekspot akan menjadi punca pertama mengenai pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan dalam tahun 1975.

31. Penggunaan dan pelaburan swasta untuk tahun hadapan adalah dijangka tidak akan berkembang dengan pesat seperti tahun ini. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang dijangkakan kira-kira 12 peratus dan 13.5 peratus masing-masing pada harga semasa adalah lebih baik berbanding dengan 6 peratus untuk penggunaan swasta dan 9 peratus untuk pelaburan swasta yang telah dicapai dalam tempoh 10 tahun yang berakhir pada tahun 1973. Saya ingin menambah, iaitu anggaran pelaburan swasta untuk tahun 1975 yang berasaskan kepada data impot yang menggalakkan bagi alat-alat jentera dan kelengkapan, mencerminkan keyakinan Kerajaan mengenai masa depan ekonomi bagi pelabur-pelabur swasta akan terus baik dalam tahun 1975 dan 1976 walaupun adanya rosotan.

32. Memandangkan kepada keadaan pertambahan yang perlahan di dalam ekspot dan permintaan kalangan swasta, Belanjawan tahun 1975 telah dirancangkan untuk memain peranan bagi mencegah edaran ekonomi. Dengan demikian perbelanjaan Kerajaan akan dinaikkan bagi mencegah arah aliran kemerosotan. Pada masa yang sama, kita akan mempastikan bahawa kesan ke atas inflasi adalah kecil sahaja. Oleh itu, Perbelanjaan dan Pelaburan Kerajaan telah dirancangkan supaya masing-masing bertambah dengan kadar 12 peratus dan 17 peratus supaya dapat memberi dorongan dan membawa kepada pertumbuhan ekonomi, sambil mengharapkan reaksi yang baik daripada pihak swasta.

..12/-

33. Dengan mengambil semua ramalan-ramalan ini, adalah dijangkakan Keluaran Negara Kasar Malaysia akan berkembang sebanyak kira-kira 5 peratus dari segi sebenar dalam tahun 1975 berbanding dengan 6 peratus pada tahun ini. Pertumbuhan di tahun hadapan patutlah dibanggakan kerana ia adalah jauh lebih tinggi dari kadar yang rendah sebanyak 2½ peratus yang diramalkan untuk negara-negara perusahaan.

34. Kadar-kadar inflasi di negara-negara perusahaan adalah dijangka akan perlahan, iaitu kepada 7 peratus purata bagi seluruh tahun 1975, pengaruh luar terhadap inflasi dalam negeri akan terus memberi kesan menerusi impot kita pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, kejatuhan dalam penerimaan ekspot dan pengurangan dalam pinjaman bank dan perbelanjaan swasta, akan dapat mengurangkan kadar inflasi di negeri ini. Dari segi ini, pengeluaran makanan yang bertambah akan menolong dengan banyaknya menurunkan harga-harga makanan. Dari itu, adalah munasabah untuk dijangkakan bahawa angka tunjuk harga pengguna bagi tahun 1975 akan lebih rendah daripada angka purata 1974 sebanyak 18 peratus.

35. Memandangkan kepada ramalan tersebut, Strateji Belanjawan 1975 negeri ini adalah ditujukan kepada dasar-dasar ekonomi, belanjawan dan kewangan supaya dapat mengekalkan keadaan yang seimbang di antara mencegah kemerosotan dan menyekat inflasi. Sekarang, saya akan nyatakan langkah-langkah tertentu:-

36. Saya sekarang suka merujuk kepada langkah-langkah kewangan yang perlu diambil untuk mencapai strateji belanjawan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar, bahawa beberapa langkah-langkah telah diambil dalam tahun ini, untuk mengurangkan lebihan kecairan di dalam ekonomi. Langkah-langkah ini telah menunjukkan kesan di dalam mengurangkan bekalan wang yang telah naik hanya dengan kadar tahunan sebanyak 13.2 peratus pada akhir bulan September tahun ini, berbanding dengan kadar tahunan sebanyak 37 peratus pada akhir bulan Disember tahun 1973.

..13/-

37. Sungguhpun perkembangan kewangan telah berkurangan dengan pesatnya akibat dari pengetatan secara beransur-ansuran dasar kewangan, masanya belum sampai lagi untuk melegakan secara amnya, langkah-langkah kewangan. Kita sedang menghadapi masaalah inflasi dan kita seharusnya jangan membenarkan keadaan kewangan dengan secara apa pun memburukkan lagi masaalah inflasi. Bagaimanapun, adalah perlu untuk mengadakan legaan yang selektif bagi menentukan projek-projek produktif, terutamanya disektor-sektor ekonomi yang penting supaya dapat memperolehi biayaan yang cukup. Oleh yang demikian saya telah mengambil keputusan setelah berbincang dengan Bank Negara untuk menggandakan had pertumbuhan pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan kepada sektor perkilangan dan untuk pinjaman-pinjaman perumahan, iaitu, dari 20 peratus kepada 40 peratus melebihi jumlah pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan yang dibekalkan kepada sektor-sektor ini pada akhir bulan Disember 1973. Had 20 peratus ini akan sekarang dikenakan hanya kepada pertumbuhan dalam jumlah pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan bagi semua tujuan, kecuali bagi dua tujuan ini dan pinjaman-pinjaman kepada (a) Bumiputra, (b) Kerajaan dan perbadanan-perbadanan dan ajensi-ajensi Kerajaan, dan (c) peminjam-peminjam kecil di bawah Sekim Jaminan Keredit. Di samping itu, had pertumbuhan keredit bagi pinjaman-pinjaman oleh syarikat-syarikat meminjam dalam tahun ini akan dinaikkan dari 25 peratus kepada 30 peratus melebihi peringkat asasnya pada tahun 1973. Pinjaman-pinjaman oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan akan terus dihadkan untuk tujuan-tujuan produktif sahaja dan pinjaman-pinjaman untuk spekulasi, sorokan, dan perbelanjaan yang tidak perlu akan terus tidak digalakkan. Untuk menentukan keperluan-keperluan keredit peminjam-peminjam kecil ditemui dengan cukupnya, perlulah bagi bank-bank perdagangan melaburkan sekurang-kurangnya 5 peratus daripada jumlah simpanan tabungan mereka ke dalam pinjaman-pinjaman kecil di bawah Sekim Jaminan Keredit yang sekarang dinaikkan kepada 10 peratus.

..14/-

38. Saya sedar bahawa ramai peniaga-peniaga adalah dalam keadaan yang sukar untuk mendapatkan semua keredit yang mereka pohon daripada bank-bank mereka, disebabkan oleh dasar-dasar kita ini. Semasa keadaan inflasi, tiap-tiap seorang daripada kita seharusnya menanggung bahagian pengorbanan kita yang seharusnya dibuat untuk mengawal pertumbuhan harga-harga pengguna pada masa ini. Saya akan menentukan bahawa beban yang mereka disuruh menanggung itu tidak melebihi setakat mana yang diperlukan dan bagi jangka masa yang menasabah. Dasar-dasar kita adalah dan terus akan boleh diubah-ubah untuk menentukan projek-projek yang boleh menambahkan daya pengeluaran perusahaan-perusahaan kita, tidak diketepikan dari biayaan kewangan yang cukup. Kerajaan adalah memerhatikan kedudukan sekarang dengan rapi dan dasar-dasar sekarang adalah dikaji semula dari masa ke masa melalui perundingan dengan Bank Negara. Kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk bertindak bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur belanjawan yang baik, dan untuk mempengaruhi keadaan keredit ke arah matlamat-matlamat dasar negara.

39. Satu faktor utama bagi menyelesaikan keadaan inflasi ialah secara mengenepikan perbelanjaan yang tidak perlu, terutamanya perbelanjaan ke atas barang-barang mewah. Kita mesti menambahkan lagi simpanan-simpanan kita dan menanamkan sikap menyimpan dikalangan rakyat kita bukan sahaja sebahagian daripada Strateji Belanjawan tetapi juga untuk strateji jangka panjang.

40. Kerajaan menyifatkan galakan menyimpan ini sebagai satu perkara yang sangat penting. Y.A.B. Perdana Menteri akan melancarkan Bank Simpanan Nasional pada 5hb. Disember, Bank Simpanan Nasional ini akan mengekalkan sifat-sifat Bank Simpanan Pejabat Pos yang lebih baik dan akan mengemukakan beberapa pembaruan supaya ianya menjadi satu institusi simpanan yang lebih dinamis.

41. Disamping itu, rancangan-rancangan sedang diadakan untuk mengkaji semula kadar-kadar caruman dan dividen-dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi menambahkan simpanan-simpanan serta membaikki lagi kebajikan pekerja-pekerja kita.

..15/-

42. Saya juga menggesa bank-bank untuk melibatkan diri mereka, lebih-lebih lagi dalam mencapai matlamat-matlamat dan keperluan-keperluan kewangan negara, supaya dapat mengekalkan kadar pelaburan yang tinggi melalui simpanan yang banyak. Bank-bank boleh melancarkan satu Kempen Simpanan yang luas yang mesti disampaikan kepada semua gulungan masyarakat, termasuk mereka-mereka diluarbandar. Cawangan-cawangan bank mestilah diadakan dengan lebih banyak lagi diluarbandar dan dipekan-pekan kecil. Kemudahan-kemudahan dari bank-bank kecil ini mestilah diperbaiki lagi dan dicorakkan mengikut keadaan-keadaan tertentu, supaya rakyat akan berasa selesa semasa pergi ke bank-bank ini. Lebih banyak lagi usaha-usaha boleh diadakan untuk menggalakkan lagi simpanan-simpanan. Oleh itu, saya suka melihat bukti yang awal dan yang tegas berkenaan dengan usaha-usaha bank-bank dalam menggalakkan lagi simpanan lebih-lebih lagi simpanan-simpanan secara besar-besaran.

43. Berkaitan dengan ini, saya suka menerangkan sedikit keraguan yang ada mengenai perlaksanaan satu aspek kawalan pertukaran wang asing kita. Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini masih lagi ingat bahawa pada 8hb Mei, tahun lalu, Menteri Kewangan pada waktu itu telah mengumumkan bahawa untuk mencegah syarikat-syarikat asing menjalankan perniagaan mereka di negara ini dengan sumber-sumber modal yang minima dan membuat pinjaman tempatan yang maksima, syarikat-syarikat yang dikuasai oleh orang-orang yang bukan penduduk adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Kawalan Pertukaran Wang bagi pinjaman-pinjaman mereka daripada sumber-sumber tempatan jikalau pinjaman-pinjaman itu melebihi daripada M$500,000. Pada masa itu adalah dijangkakan bahawa kebenaran adalah senang diberikan sehingga jumlah sebanyak bersamaan dengan modal terkumpul, cadangan-cadangan dan pinjaman-pinjaman jangka panjang dari luar. Tujuannya, adalah bahawa sambil rakyat-rakyat Malaysia dan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh rakyat Malaysia tidak dikenakan apa-apa sekatan pun, syarikat-syarikat yang dikuasai oleh bukan warganegara adalah dikenakan sekatan ke atas pinjaman-pinjaman tempatan mereka.

44. Bagaimanapun, suasana kewangan telah berubah. Ahli-ahli Yang Berhormat menyedari bahawa untuk menyekat pertambahan di dalam bekalan wang pada masa inflasi, beberapa langkah-langkah telahpun dikemukakan pada 23hb April tahun ini bagi menyekat pemberian keredit oleh bank. Sekatan-sekatan ini meliputi semua peminjam-peminjam samada warganegara atau pun bukan warganegara negeri ini. Dengan itu, pinjaman oleh syarikat-syarikat bukan milikan tempatan terpaksa dikawal, walaupun terdapat pengumuman pada 8hb Mei, 1973 yang membolehkan mereka meminjam dengan bebasnya, di bawah syarat-syarat yang saya telah jelaskan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, dasar kewangan akan berubah bagi menyesuaikan dengan keadaan-keadaan yang berubah dan dasar yang wujud pada sesuatu masa tertentu mestilah diberi keutamaan tertinggi.

45. Sekarang, saya akan memperkatakan tentang Belanjawan 1975. Seperti yang saya telah sebutkan iaitu Belanjawan akan memainkan peranan anti edaran bagi mencegah kemerosotan ekonomi dan inflasi. Oleh sebab itu Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1975 telah dibenarkan bertambah kira-kira sebanyak 21 peratus kepada $4,595 juta, sementara $2,306 juta lagi telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan. Ini adalah merupakan pertambahan sebanyak 26 peratus lebih daripada peruntukan Belanjawan pembangunan pada tahun 1974. Tetapi, memandangkan kepada kekurangan-kekurangan yang telah dialami, adalah dianggarkan sebanyak $1,800 juta sahaja yang sebenarnya akan dibelanjakan pada tahun hadapan, ini adalah merupakan kira-kira 14 peratus lebih daripada anggaran perbelanjaan sebenar untuk tahun ini. Dengan demikian adalah jelas bahawa peruntukan bagi perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan mencerminkan dasar-dasar berkembangan Kerajaan pada waktu ini. Saya tidak akan memberi keterangan-keterangan lanjut mengenai perbelanjaan-perbelanjaan tersebut, disebabkan maklumat-maklumat sepenuhnya boleh didapati di dalam Kertas Perintah Bil. 21 tahun 1974 dan Lapuran Ekonomi, sebagai tambahan kepada ucapan saya.

..17/-

46. Ingin juga saya menambah di sini, bahawa perbelanjaan pembangunan akan diberi keutamaan yang tinggi terutamanya bagi projek-projek yang berupaya mengujudkan banyak pekerjaan dan mempunyai kandungan impot yang kurang, serta mengambil masa yang singkat untuk menyiapkannya. Disebabkan peruntukan-peruntukan perbelanjaan yang besar yang dimaksudkan untuk pembangunan, bagi mencegah keadaan kemerosotan, oleh itu adalah penting untuk mempastikan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan tersebut akan digunakan bagi projek-projek yang telah dikaji dengan berhati-hati dan lebih bermakna supaya ianya betul-betul dapat menolong di dalam mengurangkan kesan-kesan buruk daripada keadaan-keadaan rosotan ekonomi dan inflasi.

47. Walaupun terdapatnya pertambahan yang besar di dalam perbelanjaan, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu suka mengetahui yang Belanjawan 1975 adalah dijangka mencatitkan lebihan di dalam kira-kira semasa sebanyak $280 juta. Lebihan ini belum lagi mengambil kira mengenai langkah-langkah cukai yang baharu yang saya akan umumkan tidak lama lagi. Pertambahan di dalam perbelanjaan pembangunan akan menyebabkan pertambahan di dalam kurangan keseluruhan, yang dianggar akan mencapai jumlah $1,490 juta bagi tahun 1975, sebelum cukai-cukai baharu. Sungguhpun pertambahan tersebut adalah besar, tetapi, ia dibenarkan bertambah supaya dapat melawan keadaan arah aliran kemerosotan ekonomi. Kurangan ini akan menjadi lebih besar kiranya tidak terdapat lebihan yang banyak di dalam kira-kira semasa bagi membiayai sebahagian daripada perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan. Walau bagaimanapun, kurangan keseluruhan yang terdapat akan dibiayai dengan memperbanyakkan lagi pinjaman di dalam dan di luar negeri, cukai-cukai baharu dan juga penggunaan sebahagian daripada cadangan luar negeri kita. Pinjaman dalam negeri yang dijangka berjumlah kira-kira $1,200 juta, sebahagian besarnya akan diperolehi daripada punca-punca pinjaman yang tidak mempunyai kesan ke atas inflasi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bank Simpanan Nasional. Pinjaman luar negeri akan juga ditambahkan kepada kira-kira $210 juta di mana daripada jumlah ini bahagian yang sama adalah untuk pinjaman-pinjaman pasaran dan pinjaman-pinjaman projek.

..18/-

PERUBAHAN-PERUBAHAN CUKAI BAGI 1975

48. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya, yang baru saya bentangkan tadi tidak mengambilkira cukai-cukai baru. Saya telah membentangkan tadi langkah-langkah yang akan diambil dari segi perbelanjaan dan kewangan bersesuaian dengan strategy belanjawan dan sekarang saya akan mengemukakan langkah-langkah cukai mengikut kehendak strategy ini. Tetapi sebelum meneruskannya saya suka membuat penjelasan bahawa angka-angka hasil tambahan atau kehilangan hasil akibat daripada perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan adalah merupakan satu anggaran hasil tambahan atau kehilangan hasil bagi jangkamasa satu tahun penoh supaya tidak payah saya ulangi perkataan-perkataan "satu tahun" pada tiap-tiap kali. Terlebih dahulu saya akan membentangkan cukai-cukai langsung.

Cukai Keuntungan Berlebihan keatas syarikat-syarikat dan lain-lain orang

49. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah cukai pada masa yang lepas untuk mencegah inflasi. Inflasi ini boleh dikurangkan lagi dengan menambahkan tabungan. Dengan tujuan ini adalah dicadangkan supaya satu langkah baru cukai dikemukakan. Bermula dari tahun taksiran 1975, adalah dicadangkan supaya satu jenis cukai, diberinama Cukai Keuntungan Berlebihan dikenakan keatas lebihan pendapatan yang dikenakan cukai bagi sesebuah syarikat atau sesuatu orang, termasuk seseorang perseorangan, dengan kadar sebanyak 5%. Rang Undang-undang untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967, bagi maksud ini akan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sedikit masa lagi. Bagi maksud cukai ini, sesebuah syarikat(tidak termasuk syarikat bukan pemastautin yang dijalankan di Malaysia melalui satu cawangan, pertubuhan, pejabat atau wakil) yang mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai yang lebih dari 25% daripada kumpulan wang pemegang saham sebagaimana ditakrifkan di dalam Rang Undang-undang itu atau pun $200,000, mengikut mana yang lebih, akan dianggap

sebagai telah membuat keuntungan berlebihan. Cukai itu akan dikenakan ke atas keuntungan berlebihan ini. Pendapatan yang dikenakan cukai itu ialah jumlah yang dipakai bagi maksud cukai pendapatan. Seperti cukai pembangunan, keredit tidak akan diberi kepada pemegang saham syarikat-syarikat pemastautin ke atas Cukai Keuntungan Berlebihan yang dibayar oleh syarikat itu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat akan memahami, jika keredit dibenarkan, maka ia akan mengakibatkan cukai itu menjadi tidak begitu berkesan dalam mencapai tujuannya.

50. Saya patut menerangkan di sini bahawa nisbah keuntungan dan kumpulan wang pemegang saham sebanyak 25 peratus itu dicadangkan selepas mengambilkira kedudukan perusahaan-perusahaan yang mempunyai risiko tinggi dan juga keperluan untuk mengadakan suasana pelaburan yang menarik di dalam negara ini memandangkan usaha-usaha kerajaan sekarang ini untuk memesatkan perusahaan. Berkenaan dengan jumlah pengecualian sebanyak $200,000, adalah didapati perlu untuk mengadakan sesuatu jumlah tetap sebagai asas gantian untuk cukai ini memandangkan adanya cawangan-cawangan syarikat bukan pemastautin dalam negara ini. Cawangan-cawangan ini hanya mempunyai modal kerja atau pun mereka menjalankan perniagaan melalui penggunaan akaun semasa dengan ibu pejabat. Sungguh pun penyata imbangan yang disatukan bagi syarikat itu ada menunjukkan kumpulan wang pemegang saham, angka itu tidaklah pada keseluruhannya boleh dipakai bagi cawangannya di Malaysia kerana syarikat bukan pemastautin itu mungkin juga mempunyai cawangan-cawangan atau kegiatan-kegiatan di tempat-tempat lain di luar Malaysia. Bagi cawangan-cawangan syarikat bukan pemastautin ini, perbandingan antara keuntungannya dengan kumpulan wang pemegang saham tidaklah begitu wajar dan dengan itu hanya had jumlah yang ditetapkan sebanyak $200,000 sahaja akan dipakai.

51. Pada masa ini, kadar sut tertinggi bagi cukai pendapatan persendirian ialah 50% yang dikenakan ke atas pendapatan yang melebehi $50,000 selepas ditolak semua pelepasan. Selain daripada itu cukai

pembangunan sebanyak 5% dikenakan ke atas pendapatan daripada unsur-unsur pembangunan yang mana ditakrifkan sebagai pendapatan daripada perniagaan dan penyewaan harta benda yang terletak dalam Malaysia. Adalah juga dicadangkan untuk mengenakan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% ke atas pendapatan yang dikenakan cukai yang melebehi $75,000 bagi seseorang termasuk seseorang persendirian selain daripada syarikat. Bagi seorang persaorangan ,. jika dianggap bahawa semua pelepasan persendiriannya diberi hingga had maksima yang ada di bawah undang-undang cukai pendapatan, ini akan bererti bahawa hanya seorang persaorangan yang berpendapatan lebih dari $7,000 sebulan akan dikenakan membayar cukai ini ke atas pendapatannya yang melebehi $75,000.

52. Perlulah dijelaskan di sini bahawa cukai ini tidak akan dikenakan ke atas setengah syarikat-syarikat kerana mereka dikecualikan dari cukai pendapatan. Ini termasuk syarikat-syarikat perintis yang dikecualikan dari cukai pendapatan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Galakan Pelaburan, 1968. Walau bagaimana pun, pengecualian syarikat-syarikat itu dari bidang cukai ini bukanlah satu perkara tetap. Pelepasan cukai yang diberi kepada syarikat-syarikat perintis ialah bagi tempoh yang terhad dan setelah tamat tempoh itu mereka akan tertakluk kepada cukai. Syarikat-syarikat petroliam yang menjalankan kegiatan mencari gali dan mengeluarkan petroliam adalah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Petroliam, 1967, dan dengan itu tidak termasuk dalam bidang Akta Cukai Pendapatan, 1967, di bawah mana Cukai Keuntungan Berlebihan ini dicadangkan. Dengan itu syarikat-syarikat tidaklah tertakluk kepada cukai ini. Peruntukan-peruntukan Perjanjian Petroliam yang dibuat dengan syarikat-syarikat ini juga tidak mem-bolehkan pengenaan cukai pendapatan ke atas syarikat-syarikat ini. Undang-undang cukai pendapatan petroliam memperuntukkan kadar cukai itu sebanyak 50%. Perlu juga saya nyatakan disini bahawa pada masa ini hanya sebuah syarikat sahaja yang menjalankan kegiatan mengeluarkan petroliam dan syarikat ini telah bersetuju untuk membayar cukai pendapatan petroliam dengan kadar 55% selaras dengan kenaikan cukai pendapatan dalam negara-negara Teluk Parsi.

53. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, orang-orang yang mengeluarkan bijih timah atau pun kayu balak pada masa ini adalah tertakluk kepada Cukai Keuntungan Bijih Timah dan Cukai Keuntungan Kayu Balak mengikut mana yang berkenaan. Adalah dicadangkan bahawa pendapatan daripada perlombongan bijeh timah dan pengeluaran kayu balak tidak dikenakan cukai keuntungan yang berlebihan ini. Pendapatan,institiut-institiut, lembaga-lembaga, orang-orang dan kumpulan-kumpulan wang yang dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan Tahun, 1967 akan dikecualikan juga daripada cukai keuntungan yang berlebihan ini.

54. Hasil tambahan yang dianggarkan daripada cukai yang baru ini ialah sebanyak $15 juta daripada syarikat-syarikat dan sebanyak $3.5 juta daripada lain-lain orang.

Taksiran Cukai Pendapatan secara Berasingan bagi Isteri-isteri yang bekerja

55. Di bawah sistem sekarang, pendapatan seseorang isteri adalah dicampur dengan pendapatan suaminya untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Sistem ini mempunyai beberapa aspek yang baik dari segi hasil dan perseimbangan. Berikutan dengan beberapa rayuan yang diterima, Kerajaan telah mengkaji semula sistem ini terutama dari segi kesannya ke atas galakan bekerja bagi isteri-isteri. Setelah mempertimbangkannya, Kerajaan berpendapat bahawa sistem ini patut disemak dan oleh itu penaksiran secara berasingan dicadangkan bagi tujuan cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan bagi seorang isteri yang mempunyai pendapatan tenaga kerja sahaja ,iaitu gaji-gaji, upah-upah dan lain-lain seperti yang ditentukan dalam Akta Cukai Pendapatan. Pendapatan isteri daripada sumber-sumber lain akan terus dicampur dengan pendapatan suaminya dan ditaksir bersama-sama sebagaimana yang dibuat sekarang. Di bawah sistem baru seorang isteri akan diberi pelepasan cukai persendirian sebanyak $2,000 , pelepasan cukai atas pendapatan tenaga kerjanya, pelepasan bagi sumbangan kepada kumpulan wang simpanan pekerja dan premiam insuran

